

04/10/1997

Tiada sebab keadaan tidak akan pulih

HH

KINI kita semua semakin peka dengan masalah jerebu. Dalam perbualan seharian perkara yang sering dibangkitkan ialah bila kita boleh tengok asap hilang digantikan langit membiru? Masing-masing seperti sesak dan rimas melihat ruang angkasa yang waktu paginya umpama lewat petang.

Bertambah gelisah pula bila perbualan kita itu menyentuh mengenai pasaran saham dan ringgit yang semakin hari semakin menurun berbanding dolar Amerika.

Pak Cik Jaafar, bapa saudara kita juga mengeluh. Selain jerebu yang semakin menjejaskan kesihatan anak kecilnya kerana menghidap lelah, kepala Pak Cik Jaafar juga semakin pening. Katanya, minggu lalu dia terpaksa membelanjakan hampir RM3,500 untuk menghantar AS\$1,000 untuk anaknya yang belajar di Michigan. Dahulu untuk mendapat duit dolar sebanyak itu, Pak Cik Jaafar hanya membelanjakan kira-kira RM2,700. Gaji bulanan sebagai seorang guru masih di angka yang sama tetapi perbelanjaannya sekarang jelas semakin bertambah.

Rasa keperitan hidup walaupun belum sampai ke tahap sukar, sudah mula terbayang di wajah Pak Cik Jaafar. Kalau dahulu dia tidak mahu meminta tolong dengan anak buahnya, kini Pak Cik Jaafar tidak lagi boleh berselindung. Walaupun malu dia terpaksa buka mulut untuk memastikan Zahara di Michigan yang kini kesempitan wang kerana biasiswa tidak mencukupi, tetap dapat meneruskan pelajarannya di sana. Sebagai bapa yang bertanggungjawab, pasti dia tidak mahu pelajaran anaknya terganggu hanya disebabkan kegagalannya menyediakan duit belanja.

"Bila duit kita nak naik balik ni? tanya Pak Cik Jaafar. Sesungguhnya sesiapa pun sukar dapat memberi jawapan kepada soalan ini. Cuma yang boleh dilakukan ialah membuat ramalan bahawa lambat-laun ia akan pulih. Itupun ramalan sahaja yang tidak pastinya tepat. Mungkin juga sebelum menjelang akhir tahun ringgit kita akan jatuh lagi. Semua kemungkinan ini boleh berlaku.

Sememangnya untuk meyakinkan semua orang apa yang berlaku sekarang akan pulih seperti sediakala, adalah amat sukar. Ini kerana sebagai manusia yang terdedah kepada pelbagai maklumat, kegiatan, suasana dan rangka rujuk, mereka akan membuat tanggapan dan ramalan berbeza.

Lantas, apa saja yang dibuat kerajaan untuk menangani keadaan sekarang akan ditafsirkan mengikut perspektif yang berlainan. Ada melihat bahawa suara lantang Malaysia mengkritik sistem kuno urus niaga mata wang sebagai satu sebab serangan ke atas ringgit.

Tidak kurang pula melihat kecaman Datuk Seri Mahathir Mohamad itu patut kerana selagi kita tidak bersuara, selagi itu rantau ini menjadi bola di kaki kuasa besar. Ada juga yang berpendapat serangan spekulator itu sebagai langkah awal untuk menggagalkan sistem kewangan di Malaysia khususnya Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) yang kini setanding dengan sistem kapitalis. Kini sudah banyak negara Islam yang kuat berpegang dengan sistem kapitalis itu mahu menjadikan SPTF Malaysia sebagai model untuk diikuti. Mungkin dakwaan ini benar.

Ada pula yang melihat langkah pengawalan pembaziran kerajaan termasuk 28 perkara yang diumumkan Rabu lalu sebagai menggambarkan kita semacam mula panik menghadapi kegawatan dalam pengurusan ekonomi. Tidak kurang pula menerima tindakan itu sebagai langkah pragmatik kita untuk berjaga-jaga supaya keadaan boleh kembali pulih.

Tanggapan dan pandangan sebegini tidak boleh disekat sehinggalah keadaan

pulih. Bagaimanapun apa yang berlaku sekarang sepatutnya tidak langsung menghakis keyakinan kita sendiri kepada ekonomi Malaysia. Ini bukan bermakna kita tidak harus bimbang dengan apa yang berlaku sekarang. Tetapi keyakinan yang kuat digarap dengan usaha semua pihak, pasti membolehkan kita menyelesaikan apa berlaku.

Perlu diingat negara yang pernah dijajah, negara yang pertumbuhan ekonominya pernah kosong malah negatif, juga boleh bangun daripada kemelut dan kegawatan ekonomi yang dialaminya. Malah negara yang hancur dan musnah akibat perang juga dapat bangun dan rakyatnya dapat keluar daripada penderitaan. Contoh yang terbaik ialah Mexico.

Beberapa tahun lalu, ekonomi negara itu punah. Kadar pengangguran tersangat tinggi manakala kadar inflasi hampir mencapai angka 100 peratus. Tetapi lihat apa yang berlaku di Mexico sekarang walaupun tidak dinafikan pemulihannya mendapat bantuan daripada negara lain. Pemimpin kerajaan Mexico sanggup mengambil pelbagai tindakan yang berisiko tinggi dan tidak popular malah boleh menggugat kedudukan politik mereka semata-mata kerana tidak sanggup melihat rakyatnya menderita.

Berdasarkan apa yang berlaku itu, walaupun ia tidak bermakna kita mesti mengambil sikap mudah, sebenarnya tidak ada sebab yang membolehkan rakyat untuk hilang keyakinan terhadap kedudukan ringgit, pasaran saham malah ekonomi negara secara keseluruhan. Jika banyak negara yang langsung tidak jelas asas dan landasan ekonomi boleh bangun semula, apatah lagi negara kita ini yang kuat fundamentalnya. Cuma perlu, selain keyakinan, kita sendiri mesti komited dan sanggup turut serta melaksanakan apa juga yang terdaya membantu kerajaan memulihkan suasana seperti sediakala.

Pertumbuhan ekonomi masih mapan untuk tahun depan walaupun Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim membayangkan ia tidak kurang daripada enam tetapi bukan melebihi lapan peratus. Peratusan ini juga masih tinggi selepas sembilan tahun berturut-turut mencatatkan angka lapan peratus. Lagipun jangkaan untuk tahun depan itu masih tinggi dibandingkan negara Asean dan Asia yang lain. Begitu juga dengan ringgit. Kita tidak perlu terlalu bimbang kerana bukan sahaja ringgit malah matawang lain juga merosot dibandingkan dengan dolar Amerika. Kita yakin `gerabak tergelincir' ini adalah sementara dan akan dapat diletakkan semua ke atas landasan untuk meneruskan perjalanan.

(END)